

# Usaha pikat pengantin Melayu

*Perancang perkahwinan Wedding & Romance perluas pasaran lepas tumpu pada pasangan kahwin campur*

Oleh **ATIYYAH MOHD SAID**  
atiyyahm@sph.com.sg

SETELAH empat tahun menawarkan khidmat perancangan perkahwinan di luar negara, syarikat perancangan dan runding cara Wedding & Romance Pte Ltd kini mahu menembusi pasaran Melayu setempat pula.

Sebelum ini, firma yang ditubuhkan pada 2005 itu lebih memberi tumpuan pada pasangan kahwin campur yang mahu mengadakan majlis perkahwinan di destinasi seperti Bali dan Langkawi.

Ia menawarkan juga khidmat pakej cuti bulan madu dan percutian sempena ulang tahun perkahwinan.

Pemilik syarikat yang dikendalikan dari rumah itu, Cik Roslina Juri, berkata khidmat tersebut diperkenalkan kerana semakin banyak pasangan Melayu menginginkannya.

Sejak pakej khidmat 'mahligai asmara' itu diperkenalkan Julai tahun lalu, usahawan berusia 38 tahun itu sudah mendapat 12 pelanggan, sebilangan



**REBUT PELUANG:** Cik Roslina menyediakan 'mahligai asmara' bagi menarik lebih ramai pelanggan Melayu yang kuasa belinya kini lebih tinggi. – Foto M.O. SALLEH

besar berusia 25 ke atas.

"Dalam dunia hari ini kita lihat pasangan Melayu berpendidikan sibuk dengan kerjaya mereka tetapi tetap mahu majlis perkahwinan sempurna dan berjalan lancar tanpa menyusahkan ibu bapa mereka.

"Kebanyakan pasangan Melayu sekarang mempunyai kerjaya dan

pendapatan stabil, lantas mempunyai simpanan bagi majlis perkahwinan.

"Ini jelas menunjukkan mereka mempunyai kuasa beli tanpa bergantung pada ibu bapa," kata Cik Roslina, yang mempunyai dua kakitangan sambilan.

Menurut ibu seorang anak itu lagi, pasangan Melayu sekarang tidak

mengundang banyak tetamu dan cenderung mengadakan majlis bertema.

"Oleh itu, ada potensi permintaan tinggi apatah lagi lebih banyak restoran di hotel-hotel setempat kini mempunyai dapur halal," kata beliau.

Dengan adanya khidmat baru itu Cik Roslina menjangka peratusan pelanggan Melayunya akan meningkat daripada 5 kepada 20 peratus, walaupun pasangan bukan Melayu kekal menjadi pelanggan utamanya.

Berbanding bayaran bagi khidmat merancang perkahwinan bagi destinasi luar negara yang boleh berjumlah \$2,800 hingga \$5,000, bayaran khidmat majlis perkahwinan pasangan Melayu lebih rendah, bermula daripada \$1,200.

Berkongsi tentang penubuhan Wedding & Romance, bekas setiausaha syarikat berbilang negara (MNC) itu berkata beliau memutuskan menjalankan perniagaan sendiri kerana minat dalam perancangan acara dan inginkan kelonggaran dari segi masa setelah mempunyai cahaya mata.

"Minat berniaga sangat kuat dan saya sedar jika saya bekerja sepenuh masa saya tidak dapat memberi perhatian sepenuhnya bagi mengembangkan perniagaan ini. Oleh itu, saya melakukannya sepenuh masa," kata beliau, yang sudah melaburkan \$10,000 dalam bisnesnya.

Mengenai rancangan masa depan, Cik Roslina berharap mendapat satu pelanggan setiap bulan.

"Setiap tahun syarikat ini meraih penjualan \$15,000 hingga \$20,000. Jika sasaran ini dapat dicapai, sudah tentu akan mengandakkan penjualan saya," kata beliau, yang ke luar negara tiga kali setahun.